

PELUASAN MAKNA KATA DEDAK: SATU ANALISIS SEMANTIK KOGNITIF

THE EXPANSION OF MEANING OF THE WORD “DEDAK”- A COGNITIVE SEMANTIC ANALYSIS

Alias Ismail

Pakar Pengajar Pembaikan Sekolah, (*School Improvement Specialist Coaches Plus*), Pejabat Pendidikan,
Daerah Hulu Terengganu, Kuala Berang, Hulu Terengganu
mahligaiseni@yahoo.com.my

Accepted Date: 30 October 2017

Published Date: 15 April 2018

To cite this document: Ismail, A. (2018). Peluasan Makna Kata Dedak: Satu Analisis Semantik Kognitif. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(10), 28-39.

Abstrak: Hakikat bahawa sesuatu bahasa itu bersifat dinamik telah lama diakui dan fenomena itu dapat dilihat dengan jelas pada alaf ke-3 ini. Pengguna bahasa secara sedar atau tidak sedar telahpun memperlihatkan kekreatifan mereka mencipta kosa kata atau istilah baharu dan pada masa yang sama juga cenderung memperluas makna sesuatu kata atau istilah, bermula dengan pemahaman dalam lingkungan yang kecil kemudiannya menular ke garis sempadan yang lebih besar. Persoalan itu dirancarkan lagi oleh kewujudan media baharu yang kian mendominasi kehidupan masyarakat. Selaras dengan matlamat perancangan korpus yang merangkumi usaha menganalisis peluasan makna sesuatu kata yang cenderung untuk berkembang dalam susun lapis masyarakat masa kini, maka kajian ini bertujuan meneliti peluasan makna kata dedak yang digunakan dalam pelbagai keadaan sehingga menyerlahkan makna yang baharu, yang berpotensi didokumentasikan dalam kamus umum seperti Kamus Dewan. Melalui kaedah linguistik korpus, kerja menganalisis dijalankan dengan menggunakan 477 kata dedak yang diperolehi daripada pangkalan data webcorp (suatu lingkungan carian Malaysia iaitu carian .my), dan 115,530 kata dedak daripada pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka yang melibatkan subkorpus akhbar, buku, majalah, buletin, teks sastera, teks ucapan dan kertas kerja. Berasaskan pemerhatian yang rinci, didapati bahawa terdapat tiga makna dedak iaitu satu makna teras – kulit padi yang menjadi serbuk apabila ditumbuk, serta dua makna pinggir iaitu pertama, bersesak-sesak, berapat-rapat iaitu berkaitan perahu dan lain-lain; dan kedua, menaruh perasaan dendam atau sakit hati iaitu berdendam (Kamus Dewan edisi keempat, 2010). Biarpun begitu, pada waktu yang mutakhir ini didapati bahawa kata dedak mengalami peluasan makna yang amat jauh tersimpang daripada maksudnya yang asal, iaitu pertama, upah; kedua, wang; dan ketiga, rasuah. Dipercayai bahawa menerusi kajian ini juga, makna kata dedak yang berasaskan penggunaan semasa dalam kalangan masyarakat dapat difahami dengan lebih jelas dan lebih rinci mengikut sesuatu situasi sesuai dengan konteksnya.

Kata Kunci: *Peluasan makna; Pengguna bahasa; Dedak; Semantik kognitif; Pergolakan politik*

Abstract : *The fact that language is dynamic had been approved and the phenomenon can be seen vividly in this 3rd millenium. Language users had been intentionally or not being disclosing their creativity in creating new terminologies and at the same time prone into expanding the meaning of a word or a term, beginning with comprehending them in small scope and gradually spreading them into a bigger boundary. The issue is enlivened by the existence of new medium that is dominating the community way of living. Parallel to the corpus planning that enveloped the effort to analyse the expansion of meaning of words that is inclined to expand in the multilevel community of today, thus this study is focusing on the expansion of meaning of the word “dedak” that is being used in various situation as far as highlighting the new meanng, which is potentially to be documented in public dictionarylike Kamus Dewan. Through thye linguistic corpus approach, the analysing is done using 477 words “dedak” extracted from webcorp data base (a Malaysian search neighbourhood which is carian.my) and 115,530 words of “dedak” from the Dawn Bahasa dan Pustaka corpus data base which include newspaper subcorpus, books, magazines, bulletin, literature texts, speech texts and paper works. Based on detailed study, it was found that three meaning of “dedak” which brings principal means – the husk of crushed paddy, plus two side meanings which is one, tightly pressed or congested which relate to boats and others; and two, vendetta or bearing grudges (Kamus Dewan edisi keempat,2010). Nevertheless, contemporarily it was found that “dedak” had been straying from its original meaning, which is one, wage; two, money; and three , bribery. It is believed that through the study, the meaning of “dedak” based on contemporary usage among the community can be comprehended clearly and more detailed according to suitable situation in context.*

Keywords : *Expansion of meaning; Language users; Dedak; Cognitive semantic; Political chaos*

Pengenalan

Bidang komunikasi memperlihatkan pola perkembangan yang tersendiri dari semasa ke semasa. Bermula dengan kadar yang perlahan pada abad yang terawal didapati bahawa perkembangan komunikasi dalam kalangan manusia pada abad ke-21 khususnya pada dekad yang mutakhir kini berlaku dengan lebih pesat. Hal yang sedemikian itu berkaitan rapat dengan kepesatan perkembangan sains, teknologi, dan maklumat. Dalam hubungan ini, Razali Ismail (2002) menyatakan bahawa perkembangan sains, teknologi, maklumat, dan inovasi telah mengubah cara hidup manusia termasuklah cara berkomunikasi.

Kajian mendapati bahawa sebelum berkembang kepada bentuk tulisan, komunikasi terlebih dahulu berlaku secara dominan dalam bentuk lisan. Selaras dengan evolusi dalam kehidupan, tradisi komunikasi dalam bentuk lisan itu berubah pula kepada bentuk tulisan sehingga terbentuk sistem komunikasi bertulis. Fenomena tersebut memperlihatkan suatu perkembangan yang menarik iaitu bermula dengan penggunaan medium alam semula jadi seperti daun, batu, dan kulit kayu, komunikasi tulisan beralih kepada amalan penggunaan kertas, plastik, papan tulis, dan kain pemidang. Kajian mendapati bahawa sedikit demi sedikit komunikasi tulisan beralih pula kepada penggunaan medium dalam talian.

Berkaitan isu ini, Alias Ismail (2013) menyatakan bahawa perkembangan komunikasi dalam talian telah memperlihatkan fenomena yang baharu dari aspek bentuk perhubungan dalam kalangan manusia, tidak terkecuali rakyat negara ini, khususnya orang Melayu. Hal yang

sedemikian didapati selaras dengan dapatan Mohd Ridhwan Rashid (2016, Julai) yang menegaskan bahawa penggunaan komunikasi dalam bentuk talian pada umumnya telah memperlihatkan perubahan yang ketara dari aspek pemilihan dan penggunaan kosa kata serta kecenderungan pematuhan penggunaan bahasa dari aspek hukum tatabahasa.

Rujukan ke atas Nor Fazilah Noor Din (2016) berkaitan dengan isu yang sama pula mendapati bahawa dalam arus globalisasi yang mutakhir ini telah berlaku perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang begitu pesat. Menurut Nor Fazilah Noor Din (2016) lagi, penggunaan Internet sudah meluas dalam komunikasi sehari-hari, khususnya dari aspek hubungan yang melibatkan penggunaan media sosial. Seterusnya Nor Fazilah Noor Din (2016) menegaskan bahawa pada zaman teknologi maklumat, wujud pelbagai medium komunikasi baharu seperti Facebook, Twitter, Myspace, dan Instagram.

Media komunikasi baharu yang turut dikenali sebagai media sosial ini menurut Alias Ismail (2013), pada umumnya didapati menyebabkan pengguna bahasa berkecenderungan mencipta makna baharu bagi kosa kata dan istilah yang tertentu, bergantung kepada skop dan konteks sesuatu sesi komunikasi. Berkaitan persoalan tersebut didapati bahawa Mohd Ridhwan Rashid (2016, Julai) meletakkan beban kesilapan itu kepada pengguna bahasa itu sendiri yang menurutnya terlalu mudah dipengaruhi budaya bahasa asing.

Kedua-dua kenyataan tersebut didapati mempunyai keselarasannya dengan dapatan Salinah Ja'far (2015, Mac) yang menyatakan bahawa pelbagai bentuk bahasa baharu kini muncul dalam media dan perkara itu berlaku dengan sewenang-wenangnya tanpa mahu mematuhi akan peraturan dan sistem bahasa yang sedia ada. Salinah Ja'far (2015, Mac) seterusnya menyatakan bahawa penggunaan bahasa yang semakin tidak terkawal dalam media-media sosial tersebut bukan sahaja boleh mewujudkan suasana yang tidak tenteram, malahan boleh mengakibatkan kerosakan – kerancuan, kecacamerbaan, serta kehilangan identiti – selain mengundang pelbagai cabaran yang besar kepada perkembangan sesuatu bahasa, khasnya bahasa Melayu yang merupakan bahasa rasmi negara ini. Hakikat yang sedemikian itu dipersetujui Nor Hashimah Jalaluddin dan Julaina Nopiah (2011, 20 Mei) yang menegaskan bahawa dalam era globalisasi, bahasa Melayu terdedah kepada cabaran bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris yang dominan di peringkat antarabangsa.

Penyataan Masalah

Dalam bidang sociolinguistik jelas dinyatakan bahawa sesuatu bahasa itu berdiri di atas paksinya yang tersendiri, antaranya bersifat arbitrari, berkepelbagaian, produktif, dan dinamik. Hal ini ditegaskan ramai sarjana termasuklah Abdul Rashid Daeng Melebek dan Amat Juhari Moain (2010) yang menyatakan bahawa sesuatu bahasa terdedah kepada perubahan dan perkembangan sejajar dengan dasar langit terbuka. Perkembangan tersebut, menurut Alias Ismail (2016, Oktober), hendaklah dikawal supaya bahasa Melayu tidak terjejas dan rakyat negara ini, khususnya bangsa Melayu tidak akan sekali lagi kehilangan jati dirinya sebagaimana yang berlaku dalam industri perfileman tanah air.

Sungguhpun demikian, realiti yang dapat dilihat di negara ini, menurut Salinah Ja'far (2015, Mac), pengguna bahasa cenderung mencipta bentuk bahasa mereka sendiri. Dalam konteks ini, menurut Suhaizi Suhaimi (2016, Julai), tercipta banyak kosa kata baharu, terutama sekali dalam bentuk singkatan. Antara kata singkatan yang kerap kelihatan dalam media sosial ialah gana-gana pown (apa-apa cara sekalipun), jek (sahaja), tableh (tidak boleh), aq (aku), sy (saya), ko (kau), pale (kepala), cnie (sini), dnga (dengar), gtaw (beritahu), kco (kacau),

bawu (baru), matew (mata), cmpay (sampai), soh (suruh), klaw (kalau), tdo (tidur), kwen (kahwin), korang (kamu semua), dan mlmpao (melampau).

Selain itu, kajian mendapati bahawa pengguna bahasa dalam media sosial sering mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris ketika mereka berinteraksi. Keadaan itu, menurut Suhaizi Suhaimi (2016, Julai), berpunca daripada masalah dalaman individu itu sendiri, sekali gus menyebabkan bahasa rojak tersebar, yang kemudiannya memberi kesan negatif kepada kedaulatan bahasa Melayu.

Kerancuan penggunaan kosa kata itu tidak hanya melibatkan golongan remaja dan tidak terhad kepada bidang tertentu sahaja. Sungguhpun perkara ini selalunya dikaitkan dengan bidang hiburan, namun fenomena itu menular ke dalam bidang lain, termasuklah bidang politik. Salinah Ja'far (2015, Mac) menegaskan bahawa masyarakat bahasa pada waktu mutakhir ini semakin terkeluar dari landasan penggunaan bahasa yang standard, malahan mencipta makna baharu bagi perkataan yang tertentu. Sekiranya perkara ini diberi perhatian, bermula awal 2015, kelihatan beberapa perkataan diberi peluasan makna, antaranya perkataan “dedak” yang sama sekali terkeluar daripada maknanya yang asal.

Kajian mendapati bahawa perkataan “dedak” yang diberi peluasan makna itu banyak terdapat dalam media sosial yang melibatkan beberapa penulis politik. Perkataan “dedak” dijadikan sebagai alat sindiran politik yang tajam kepada pihak tertentu. Hal ini antaranya dilakukan oleh Shahbudin Husin (2017, 4 Januari), Shahbudin Husin (2017, 23 Januari), Libang Libu (2017, 6 April), dan Kelab Greenboc (2017, 8 April). Kajian turut mendapati bahawa Shahbudin Husin, Libang Libu, dan Kelab Greenboc mempunyai pengikut yang ramai dan setiap artikel mereka diulas oleh ratusan ahli masyarakat dalam talian.

Bertolak daripada kecenderungan pengendali media sosial dan masyarakat dalam talian mendefinisikan “dedak” dengan makna yang lain daripada pengertian biasanya, maka dirasakan amat wajar perkataan itu dianalisis dari segi semantik menggunakan teori semantik kognitif yang juga disebut sebagai teori kognitif. Dengan cara ini maka dapatlah diketahui makna tambahan kata atau leksikal “dedak”, selain tiga definisi yang diberikan oleh *Kamus Dewan edisi keempat* (2010) iaitu kulit padi yang menjadi serbuk setelah ditumbuk, sesak-sesak atau rapat-rapat (bersesak-sesak atau berapat-rapat), dan dendam (berdendam atau menaruh perasaan dendam).

Walaupun banyak pihak melihat peluasan makna sesuatu leksikal dari segi keburukan, namun dari segi yang lain ada kebaikannya. Peluasan makna itu dapat diterima jika tidak melibatkan kerancuan dan kecacamerbaan. Oleh sebab itu, media sosial seperti Facebook, Twitter, dan laman sembang Internet memiliki kemampuan dan wajar diberi kesempatan yang luas untuk menyebarkan bahasa Melayu ke seluruh pelosok dunia (Maslim Masrom, 2015, November). Dalam konteks ini, pengkaji membuat ketetapan menyorot definisi baharu bagi leksikal “dedak” mengikut konteks tertentu, melibatkan ayat yang terdapat dalam media biasa, khususnya akhbar serta ayat yang terdapat dalam media-media sosial.

Objektif Kajian

Selain menambahkan kerancangan perkembangan ilmu semantik dan kebahasaan, kajian ini dilaksanakan untuk memberi pencerahan kepada pengguna bahasa berkaitan perkataan “dedak” sebagaimana perincian yang berikut:

1. Menyenaraikan makna baharu leksikal “dedak” yang kian popular dalam kalangan pengguna bahasa Melayu dalam media sosial mahupun media cetak.

2. Menggubal model kerangka jaringan radial bagi leksikal “dedak” bagi meningkat kefahaman pengguna bahasa berkaitan kajian ini.

Teori Kajian

Sarjana pada umumnya berpendapat bahawa semantik kognitif merupakan suatu teori atau pendekatan yang membolehkan kajian dilaksanakan berasaskan konsep pengalaman badaniah. Bagi kebanyakan cendekiawan atau sarjana bidang ini, konsep pengalaman badaniah disebut sebagai konsep *embodiement*.

Dalam konteks ini, semua individu mempunyai pengalaman tersendiri dan melalui pengalaman itulah munculnya perbezaan dalam tanggapan atau sudut pandang. Berkaitan dengan perkara ini, Norsimah Mat Awal (2002) menegaskan bahawa semantik kognitif merupakan pendekatan yang mengambil kira pengalaman lampau dan unsur persekitaran.

Sejajar dengan pendapat berkenaan, kajian ke atas leksis “dedak” didapati mengalami peluasan makna yang sangat jelas. Didapati bahawa berlaku pembentukan makna baharu bagi leksis tersebut yang kemudiannya menghasilkan fenomena polesemi dan ditakrifkan oleh Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh, dan Rahim Aman (2007) sebagai leksis yang mempunyai lebih daripada satu makna.

Dalam konteks ini, Kempson (1991) menegaskan bahawa tiga cara telah digunakan oleh sarjana bahasa untuk memberi penjelasan makna sesuatu bahasa; pertama, mentafsir makna perkataan; kedua, mentafsir sifat makna ayat; ketiga, menghuraikan proses perhubungan. Dalam hal ini, pengkaji memilih cara pertama sebagaimana pandangan Kempson (1991), iaitu makna perkataan dipilih lalu dijadikan asas untuk menghuraikan makna sesuatu ayat dan perhubungannya.

Sejajar dengan pandangan Kempson (1991), didapati bahawa Ibrahim Ahmad (2002) melihat peluasan dan penyempitan makna yang berlaku ke atas kosa kata bahasa Melayu memerlukan bantuan teori semantik kognitif bagi memudahkan sarjana membuat kajian peluasan makna sesuatu leksis. Berkaitan konsep peluasan dan penyempitan makna pula, Darwis Harahap (1994) menyatakan bahawa peluasan bermaksud makna sesuatu leksis itu lebih daripada sebenarnya atau konotatif, manakala penyempitan bermaksud makna sesuatu leksis itu semata-mata makna yang dinyatakan atau denotatif sahaja.

Kajian ke atas sesuatu leksikal berasaskan teori semantik kognitif akan melibatkan model kerangka jaringan radial yang didasari oleh teori prototaip. Teori tersebut berfungsi menentukan kedudukan entiti yang akan menjelaskan makna utama (makna teras) dan makna sampingan (makna pinggiran).

Dalam hal ini, entiti yang sedikit persamaannya, menurut Norsimah Mat Awal (2002) dikategorikan sebagai ahli pingiran yang juga disebut sebagai entiti pinggiran, atau makna pinggiran. Seterusnya, Norsimah Mat Awal (2002) berkata, entiti yang dominan atau memiliki persamaan yang banyak dalam konteks berkenaan, dikategorikan sebagai entiti teras, ahli teras, atau makna teras.

Data Dan Dapatan Kajian

Penggunaan leksis “dedak” oleh media di negara ini dikaji dengan menggunakan kaedah analisis teks yang telah diperbaharu dengan elemen linguistik korpus yang juga dikenali oleh para sarjana sebagai linguistik terkomputasi. Dalam konteks kajian kali ini, pengkaji

melakukan analisis ke atas leksis “dedak” dengan menggunakan dua kemudahan; pertama, kemudahan konkordans Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PPRM) Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP); kedua, kemudahan perisian Antconc.

Dalam hal ini, leksis “dedak” yang dianalisis itu dipungut daripada akhbar-akhbar tempatan dan laman media sosial tempatan. Daripada keseluruhan kajian ini, sebanyak 115,530 leksis “dedak” dipungut daripada akhbar seperti Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu, Kosmo!, Kosmo! Ahad, Harian Metro, dan Metro Ahad manakala sebanyak 477 leksis “dedak” lagi dipetik daripada laman media sosial, khususnya laman blog yang memperkatakan isu politik kontemporari.

Walau bagaimanapun, setelah penelitian dilaksanakan, hanya 200 leksis “dedak” disorot dan dianalisis. Penyorotan dan penganalisisan tersebut dilakukan ke atas 100 leksis “dedak” daripada akhbar dan 100 leksis “dedak” daripada media sosial, khususnya media sosial yang bersifat media alternatif kepada khalayak. Langkah berkenaan diambil kerana media sosial tersebut merupakan wadah kepada pembentukan unit bahasa yang baharu termasuklah kosa kata dan istilah.

Melalui kajian ini, leksis “dedak” yang ditemukan itu disemak status entrinya dalam *Kamus Dewan edisi keempat* (2010). Setiap leksis “dedak” yang terdapat dalam 200 ayat itu dibandingkan maknanya dengan makna yang “dedak” yang terdapat dalam *Kamus Dewan edisi keempat* (2010) bagi memperoleh kesesuaian maknanya.

Daripada penelitian tersebut didapati bahawa terdapat banyak leksis “dedak” khususnya yang dipetik daripada laman media sosial tidak sepadan dengan makna leksis “dedak” yang terdapat dalam *Kamus Dewan edisi keempat* (2010). Berasaskan semua dapatan berkenaan, maka sangat tinggi kewajaran leksis “dedak” yang diguna pakai oleh pengguna bahasa Melayu masa kini dikaji dari aspek peluasan maknanya.

Analisis Dan Dapatan Kajian

Kajian mendapati bahawa dalam *Kamus Dewan edisi keempat* (2010), terdapat satu makna teras dan dua makna pinggir bagi leksikal “dedak”. Ketiga-tiga makna leksikal itu dinyatakan sebagaimana keterangan dan Jadual 1 yang berikut:

- Dedak I** kulit padi yang menjadi serbuk apabila ditumbuk
Dedak II: **berdedak, mendedak** – bersesak-sesak, berapat-rapat (berkenaan perahu dan lain-lain)
Dedak III: **mendedak** – menaruh perasaan dendam atau sakit hati, berdendam

Jadual 1: Leksikal “dedak” menurut *Kamus Dewan edisi keempat* (2010)

LEKSIKAL	MAKNA/TAKRIF
Dedak I	kulit padi yang menjadi serbuk apabila ditumbuk
Dedak II	berdedak, mendedak – bersesak-sesak, berapat-rapat (bkn perahu dan lain-lain) <u>Nota:</u> “bkn” merupakan singkatan bagi perkataan berkenaan.
Dedak III	mendedak – menaruh perasaan dendam atau sakit hati, berdendam

Kajian ini mendapati bahawa leksikal “dedak” merupakan perkataan yang termasuk dalam golongan kata nama. Hal yang sedemikian itu jelas kelihatan dalam takrifan makna teras. Berasaskan contoh I dalam Jadual 1, didapati bahawa leksikal “dedak” mendukung pemaknaan kulit padi yang menjadi serbuk apabila ditumbuk.

Selain itu, “dedak” mendukung maksud bersesak-sesak, berapat-rapat iaitu suatu kata kerja yang melibatkan kenderaan, umpamanya perahu (dan sebarang kenderaan lain yang digunakan oleh manusia pada zaman moden). Dalam konteks ini didapati bahawa leksikal “dedak” boleh menerima awalan ber- dan awalan meN-, sebagaimana yang dapat dilihat dalam contoh II dalam Jadual I. Hal yang sedemikian itu menyebabkan terbentuknya dua kata terbitan (kata kerja terbitan) – “berdedak” dan “mendedak”. Perkataan “berdedak” bermaksud bersesak-sesak atau berapat-rapat. Perkataan “mendedak” pula mendukung maksud berkeadaan atau berada dalam keadaan bersesak-sesak atau berapat-rapat.

Perkataan dedak III pula membawa maksud menaruh perasaan dendam, sakit hati, atau berdendam. Dalam konteks ini, leksikal “dedak” boleh menerima imbuhan awal iaitu men- N lalu membentuk kata terbitan (kata kerja terbitan) “mendedak” yang mempunyai maksud yang sama – menaruh perasaan dendam, sakit hati, atau berdendam.

Bermula awal 2015, kajian mendapati bahawa leksikal “dedak” mengalami peluasan makna ekoran meningkatnya kadar pergolakan dalam kalangan parti politik tanah air. Sebahagian daripada pergolakan parti-parti politik tersebut menurut Aninah Janang (2016, Disember), ditanda oleh kewujudan siri gerakan Bersih. Aninah Janang (2016, Disember) seterusnya menegaskan bahawa gerakan Bersih dengan aktiviti mutakhirnya berlangsung pada 19 November 2016 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur dengan seruan “Satukan Tenaga – Malaysia Baharu” telah menjadi sebahagian penyebab yang dominan kepada berlakunya pergolakan umum dalam landskap politik negara ini.

Kajian mendapati bahawa sejajar dengan perkembangan tersebut berlaku penggunaan makna perkataan yang lebih luas termasuklah makna perkataan “dedak” dalam kalangan aktivis, pengikut, dan pemerhati politik. Sebagaimana yang telahpun dinyatakan, makna leksikal “dedak” yang digunakan masyarakat media sosial bermula awal tahun 2015 pada umumnya tidak terangkum dalam tiga makna yang terdapat dalam *Kamus Dewan edisi keempat* (2010). Dalam konteks ini didapati bahawa leksikal berkenaan telah pun diberi peluasan makna dengan cara yang tidak langsung oleh pengguna bahasa.

Dalam kajian ini, sebanyak 116,007 leksis “dedak” telah dipungut daripada pelbagai sumber dengan menggunakan dua perisian; pertama perisian PPRM yang dimiliki DBP; kedua, perisian Antconc. Perisian Antconc dipilih sebagai instrumen atas sifatnya yang membolehkan leksikal teks daripada sesuatu sumber dianalisis dengan cepat dan tepat. Data berkaitan perkara itu dapat dilihat dengan jelas dalam Jadual 2 yang berikut:

Jadual 2: Perisian, Medium, dan Jumlah Leksikal “dedak” yang Dikenal Pasti

PERISIAN	MEDIUM	BILANGAN KATA/LEKSIKAL
PRPM DBP	Akhbar	115,530
Antconc	Blogspot	477
JUMLAH		116,007

Paparan yang berikut ini pula merupakan keterangan dalam bentuk data berkaitan peluasan makna bagi leksikal “dedak” iaitu makna selain daripada yang sedia ada dalam *Kamus Dewan edisi keempat* (2010). Perhatikan Jadual 3 di bawah ini:

Jadual 3: Peluasan Makna Leksikal “Dedak”

LEKSIS	MAKNA	CONTOH AYAT
Dedak IV	Upah – Bukti leksikal: "cybertrooper"	Adakah ***dedak***, walau sebanyak mana ditabur sekali pun, sudah tidak mampu membuatkan "cybertrooper" itu kembali bersemangat untuk terus mempertahankan UMNO, kerajaan dan Najib? (BS/SH/274)
	Upah – Bukti leksikal: Sukarela	Berbeza dengan "cybertrooper" menentang kerajaan, perjuangan mereka adalah kerana kebenaran dan untuk menyelamatkan negara, rata-ratanya sukarela dan tidak menerima ***dedak*** walau sebutir sekali pun. (BS/SH/275)
Dedak V	Wang – Bukti leksikal: Dana/ Affin Bank	Setakat ini tidak diketahui dana ataupun ***dedak*** tersebut menggunakan khidmat gudang Affin Bank atau bank-bank pesisiran pantai. (BS/LL/415)
	Wang – Bukti leksikal: M90 juta	Isu ***dedak*** RM90 juta, PAS belum saman SR. (BS/KG/416)
Dedak VI	Rasuah – Bukti leksikal: Kepentingan peribadi	Mereka yang jujur, ikhlas dan benar-benar berkhidmat untuk negara serta tiada kepentingan peribadi atau terghairah dengan ***dedak***, jika berada di kedudukan Bahri, pasti akan turut merasa kecewa. (BS/SH/471)
	Rasuah – Bukti leksikal: Pemakan	Akhirnya, seperti jawapan Bahri sebelum beliau dilaporkan akan memberi kenyataan penuh menjawab pelbagai persoalan mengenai persaraannya, termasuk hujah Abdul Rahman, "Pemakan ***dedak*** ada di mana-mana, di luar sana mahu pun di jabatan-jabatan kerajaan. (BG/SH/477)

Daripada Jadual 3, dapat difahami banyak perkara mengenai leksikal “dedak” dalam konteks peluasan maknanya. Kajian mendapati bahawa makna baharu leksikal “dedak” yang telah melalui proses peluasan penggunaannya dalam kalangan masyarakat negara ini, atau sekurang-kurangnya aktivis media sosial ialah upah, wang, dan rasuah. Kajian juga mendapati bahawa ketiga-tiga makna baharu leksis “dedak” ini ditulis dalam laras bahasa politik yang kebanyakannya melanggar peraturan bahasa standard.

Makna IV: “Dedak” bermaksud upah

Perkataan “upah” mengikut *Kamus Dewan edisi keempat* (2010) bermaksud ganjaran bagi tenaga yang telah dikeluarkan. Dalam konteks ini, upah tersebut boleh berlaku dalam pelbagai bentuk. Rentang kata yang berkolokasi dengan “dedak” pula merupakan suatu kegiatan seperti menabur, bersemangat, mempertahankan, dan sukarela. Perkara ini berkait rapat “dedak” yang ditakrifkan sebagai upah. Dari segi konotasinya, leksis “dedak” yang bermaksud upah dalam konteks ini cenderung ke arah keburukan.

Makna V: “Dedak” bermaksud wang


Perkataan “wang” mengikut *Kamus Dewan edisi keempat* (2010) bermaksud duit, fulus, pitis, dukat, dan tukul. Wang juga merupakan alat tukaran asas dalam sesuatu perniagaan atau melicinkan kegiatan ekonomi. Dalam hal ini, rentang kata yang berkolokasi dengan

“dedak” merupakan alat atau institusi seperti dana, Affin Bank, dan RM90 juta. Elemen itu berkaitan rapat “dedak” yang ditakrifkan sebagai wang. Dari segi konotasinya, leksis “dedak” yang bermaksud wang dalam konteks ini juga cenderung ke arah keburukan.

Makna VI: “Dedak” bermaksud rasuah

Perkataan “rasuah” mengikut *Kamus Dewan edisi keempat* (2010) bermaksud perbuatan menumbuk rusuh iaitu menyogok, menyuap wang kepada sesuatu pihak bagi memperoleh sesuatu faedah. Dalam konteks ini, rentang kata yang berkolokasi dengan leksis “dedak” merupakan suatu kegiatan bertentangan dengan peraturan seperti saman-menyaman, isu, khidmat bank pesisir pantai, simpanan atau pemilikan wang secara sulit yang berkaitan rapat “dedak” yang ditakrifkan sebagai rasuah. Dari segi konotasi, leksis “dedak” yang bermaksud rasuah dalam konteks ini mempunyai kecenderungan ke arah keburukan.

Perbincangan mengenai peluasan makna leksis “dedak” ini dapat difahami dengan lebih mendalam melalui pemerhatian ke atas model kerangka jaringan radial sebagaimana yang tersedia di bawah ini:



Kepentingan Kajian

Bahasa merupakan suatu elemen penting dalam kehidupan dan sentiasa berkembang. Hal ini diperakukan oleh sarjana linguistik seluruh dunia termasuklah Abdul Rashid Daeng Melebek dan Amat Juhari Moain (2010) dan Ibrahim Ahmad (2002) yang menyarankan perkara ini sentiasa diberi perhatian oleh setiap lapisan masyarakat. Oleh sebab itu, kajian tentang peluasan makna bagi sesuatu kata atau leksis tidak seharusnya dilihat sebagai perkara kecil dan bersifat pinggiran. Kajian mengenai perkara ini terutama sekali ke atas bahasa Melayu seharusnya sentiasa diperkasakan Nor Fazilah Noor Din (2016).

Dalam konteks kajian peluasan makna ke atas leksis “dedak”, rakyat negara ini yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat sekurang-kurangnya berpeluang menyorot pergolakan politik tanah air dengan lebih rinci dan membuat justifikasi dalam isu tersebut dengan lebih bijaksana. Banyak perkara dapat diambil oleh khalayak sebagaimana yang ditegaskan oleh Aninah Janang (2016, Disember) bahawa keamanan negara bergantung kepada sejauh mana rakyat dapat bertindak dengan rasional dalam menangani sesuatu isu dan permasalahan, terutama sekali berkaitan masa depan dan hala tujunnya.

Kesimpulan

Kajian ke atas peluasan makna leksis “dedak” ini dilaksanakan dengan menggunakan teori semantik kognitif. Pemilihan teori ini adalah kerana semantik kognitif memberi ruang kepada pengkaji untuk mengambil kira aspek *embodiement* dan perkara ini selaras dengan saranan Norsimah Mat Awal (2002) dan Nor Fazilah Noor Din (2016) dalam usaha memperkaya khazanah kosa kata bahasa Melayu dalam era globalisasi. Hasil kajian ini didapati bahawa leksis “dedak” tidak lagi tertakluk hanya kepada tiga definisi yang terdapat dalam *Kamus Dewan edisi keempat* (2010), malahan berkembang kepada sekurang-kurangnya tiga makna yang baharu, iaitu makna pinggirannya sebagaimana yang telah diuraikan.

Dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang, ada kemungkinan leksis “dedak” semakin rancam maknanya kerana kajian mendapati bahawa pontensinya untuk berevolusi sangat tinggi kerana leksis tersebut popular dalam kalangan rakyat negara ini, khususnya khalayak yang mempunyai pemikiran kreatif dan inovatif. Dalam konteks ini, Ibrahim Ahmad (2002) menegaskan bahawa pemasukan kata-kata atau ungkapan slanga mahupun kata-kata yang muncul daripada laras-laras yang tertentu dalam kamus sangat perlu diberi perhatian demi memperkaya khazanah bahasa Melayu.

Rujukan

- Abdul Rashid Daeng Melebek dan Amat Juhari Moain. (2010). *Sosiolinguistik dan bahasa Melayu*.
Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alias Ismail. (2016, Oktober). Bahasa Melayu jati diri filem kita. *Dewan Budaya*, 10, 16-19.
- Alias Ismail. (2013). *Berbahasalah sebaik-baiknya*. Syarahan Munsyi Dewan. Anjuran Persatuan Bahasa Melayu Sekolah Seri Puteri, 8 November 2013, di Dewan Kuliah Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya.
- Aninah Janang. (2016, Disember). Bersih 5: Apakah kesudahannya? *Dewan Masyarakat*, 12, 23 – 28.
- Darwis Harahap. (1994). *Binaan makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Ahmad. (2002). *Perkamusan Melayu: Satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Dewan edisi keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kelab Greenboc. (2017, 8 April). *Isu dedak RM90 juta PAS belum saman SR, Rafizi mahu dedah nama tokoh*. Capaian 8 April daripada <https://greenboc.blogspot.my/2017/4/isu-dedak-rm90-juta-pas-belum-saman-sr.html>.
- Kempson, R.M. (1991). *Teori semantik bagi penterjemah* (Zaiton Ab. Rahman, Pentj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Libang Libu. (2017, 6 April). *Lagi berita dedak*. Capaian 6 Mac 2017 daripada <https://libanglibu.blogspot.my/2017/04/lagi-berita-dedak.html>.

- Maslim Masrom. (2015, November). Promosi bahasa di alam maya. *Dewan Bahasa*, 11, 9 – 12.
- Mohd Ridhwan Rashid. (2016, Julai). Lambakan iklan berbahasa rojak: Salah siapa? *Pelita Bahasa*, 7, 6 – 9.
- Nor Fazilah Noor Din. (2016). *Peluasan makna payung dalam kalangan pengguna Bahasa Melayu berdasarkan analisis semantik kognitif*. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UM-UMSIDA, 25 – 27 Oktober 2016, Universiti Utara Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Julaina Nopiah. (2011, 20 Mei). *Penguasaan tatabahasa remaja Malaysia*. Capaian 31 Mac 2017 daripada jurnalbahasa.dbp.my/.
- Norsimah Mat Awal. (2002). *Dari buah yang lunak ke angin yang lunak: Analisis peluasan makna kata adjektif indera*. Prosiding 2nd ASEAN Linguistik Asean, 181 – 191.
- Razali Ismail. (2002). *Cabaran alaf baharu: Sudah bersediakah kita?* Syarahan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. Anjuran gabungan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Terengganu, 18 September 2002, di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu.
- Salinah Ja'far. (2015, Mac). Media pembentuk acuan bahasa Melayu warga. *Dewan Bahasa*, 3, 4 – 7.
- Shahbudin Husin. (2017, 4 Januari). *Pemakan dedak ada di mana-mana dan menyanggah hujah Pengarah Komunikasi BN*. Capaian 7 Mac 2017 daripada <https://shahbudindotcom.blogspot.my/2017/01/pemakan-dedak-ada-di-mana-mana-dan.html>.
- Shahbudin Husin. (2017, 23 Januari). *Cybertrooper sokong kerajaan tinggal 66 peratus, Zahid cuba aibkan Najib?* Capaian 7 Mac 2017 daripada <https://shahbudindotcom.blogspot.my/2017/01/cybertrooper-sokong-kerajaan-tinggal-66.html>.
- Suhaizi Suhaimi. (2016, Julai). Faktor dalaman punca bahasa rojak? *Pelita Bahasa*, 7, 10 – 13.
- Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh, dan Rahim Aman (Eds.). (2007). *Linguistik Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bibliografi Pengarang

Alias Ismail dilahirkan pada 20 Januari 1968 dan membesar dalam keluarga petani di Kampung Padang Setebu, Kuala Berang, Hulu Terengganu. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Padang Setebu pada 1975 hingga 1980, seterusnya belajar di Sekolah Menengah Agama Mahmudiah, Kuala Berang, Hulu Terengganu hingga memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Beliau mengikuti Kursus Perguruan Asas di Maktab Perguruan Pasir Panjang, Kuala Terengganu pada 1988 hingga 1990, dan kemudiannya belajar sendiri hingga memperoleh Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada 1991. Pada 1996/1997 beliau mengikuti pengajian pada peringkat diploma dalam bidang Pendidikan Bahasa Melayu di Institut Bahasa Kuala Lumpur (IBKL), seterusnya melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah pertama di Universiti Malaya (UM) Kuala Lumpur pada 1997/1999 dalam bidang Pendidikan Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu. Kini beliau mengikuti pengajian peringkat sarjana di Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam bidang Bahasa Melayu Kontemporari.

Beliau berpengalaman 14 tahun dalam bidangewartawanan dengan menjadi wartawan sambilan di pelbagai agensi akhbar arus perdana iaitu Utusan Malaysia, Berita Harian,

Harian Metro, dan Kosmo!, dan menghasilkan lebih 4,500 berita serta lebih 500 rencana. Alias Ismail juga merupakan penyumbang makalah dan karya kreatif kepada pelbagai majalah keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka, antaranya Dewan Siswa, Pelita Bahasa, Dewan Budaya, dan Dewan Sastera. Beliau merupakan kolumnis Bahasa Melayu PT3 (dahulunya PMR) bagi majalah Dewan Siswa bermula Julai 2009 hingga kini.

Hingga kini beliau telah menghasilkan 12 buku persendirian dan 23 buah buku bersama-sama penulis lain dan sebahagian karya tersebut diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Antara karyanya yang terkenal ialah kumpulan cerpen *Ralat*, terbitan Institut Terjemahan Buku Malaysia, kumpulan cerpen *Kaca di Lantai*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, novel *Mewarna Bulan*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, *Priiii!*, terbitan Utusan Publications and Distributors, dan *Di Sini Langkah Bermula*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau banyak memenangi sayembara; antaranya Hadiah Cerpen Hari Guru Terengganu 1990; Hadiah Novel Esso Gapena 1 1993; Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (kategori novel Remaja pada 2008 dan kategori cerpen remaja pada 2009) ; Hadiah Kewartawanan 2006, 2009, dan 2013; Hadiah Cerpen dan Sajak Bulan Bahasa Kebangsaan Zon Timur (2013 dan 2015). Pada 2015, kumpulan cerpennya yang berjudul *Ralat* dan cerpennya yang berjudul *Panah Sakti Antonimisme* terpilih sebagai pemenang Hadiah Sastera Darul Iman II (Hasdi II).

Pengarang ini turut berbakat di pentas sayembara pengucapan, antaranya menjuarai pertandingan Bahas Ala Parlimen Guru Terengganu 2006, menjuarai Pertandingan Pidato Spontan Hari Guru Terengganu 2010, dan menjuarai Sayembara Deklamasi Sajak Bulan Kemerdekaan Negara anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dengan kerjasama Dewan Bahasa Pustaka pada 2013. Beliau aktif sebagai penceramah bahasa Melayu dan pembimbing kesusasteraan di seluruh negara.

Pada 2006, beliau mewakili negara pada Pertemuan Penulis Muda Nusantara di Bogor, Indonesia. Pada 2007, beliau yang merupakan ahli Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK/NUTP) mewakili kesatuan itu pada Seminar Linguistik Asean di *Universiti of Chiangmai*, Chiangmai, Thailand. Beliau yang dianugerahi gelaran Munsyi Dewan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada 2013, juga merupakan penerima anugerah Tokoh Nilam Guru Terengganu I pada 2010, dan turut dianugerahi gelaran Guru Unggul Exxon Mobil pada 2013.